

# Mustapa: Orang Melayu perlu perubahan minda

um - 28/11/2006

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI

**KUALA LUMPUR** 27 Nov. - Perubahan minda di kalangan orang Melayu adalah perlu untuk menjadi bangsa yang dihormati, disegani serta setanding dengan bangsa-bangsa lain.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed berkata, perubahan itu juga penting bagi merapatkan jurang pencapaian dalam pelbagai segi sama ada ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

"Jika dulu, orang Melayu tidak kisah dengan persepsi buruk dan revolusi mental yang beranggapan mereka ialah satu bang-

sa yang malas dan tidak berjaya.

"Namun, itu satu persepsi yang lama, kini orang Melayu telah berubah dan telah mampu bersaing dengan bangsa lain sama ada dalam negara dan di peringkat global.

"Kini bangsa Melayu perlu menanamkan iltizam untuk terus berjaya, jika tidak orang Melayu akan terus kecundang dan ketinggalan berbanding bangsa lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Muzakarah Pakar 'Mengubah Minda Melayu-Muslim' di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini hari ini.

Sementara itu, Mustapa memberitahu, semasa beliau menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pengajian Tinggi Pertubuhan

**Kini bangsa Melayu perlu menanamkan iltizam untuk terus berjaya, jika tidak orang Melayu akan terus kecundang dan ketinggalan berbanding bangsa lain**

Persidangan Islam (OIC) di Kuwait baru-baru ini, satu ketetapan telah dicadangkan.

Katanya, mesyuarat itu telah mengenal pasti 20 universiti daripada 500 universiti yang terdapat di negara-negara OIC untuk dijadikan setanding dengan universiti-universiti terkemuka dunia seperti Harvard dan Oxford.

"Malah, saya sentiasa berharap universiti

ti kita turut mengorak langkah yang sama supaya sebaris dengan universiti terkenal yang lain sama ada dari segi pensyarah, penerbitan dan pencapaiannya.

"Inilah perlunya perubahan minda di kalangan masyarakat Melayu khususnya supaya martabat kita sentiasa di atas dan sekali gus mengikis persepsi tidak baik di kalangan bangsa lain," katanya.

**MUSTAPA  
MOHAMED**  
Menteri  
Pengajian  
Tinggi